

GARIS PANDUAN LHDNM

PENGHAPUSAN KENAIKAN CUKAI

1. Kenaikan cukai boleh dikenakan jika:
 - 1.1 Cukai kena dibayar / hutang kepada kerajaan tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan;
 - 1.2 Perbezaan di antara cukai sebenar dan anggaran cukai / anggaran cukai dipinda melebihi 30% daripada cukai sebenar.
2. Pembayar cukai yang mempunyai alasan yang kukuh bahawa kenaikan cukai tidak wajar dikenakan, boleh membuat rayuan secara bertulis ke Cawangan Pungutan / Unit Pungutan Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan pembayar cukai.
3. LHDNM akan mempertimbangkan rayuan mengikut merit dan fakta kes.
4. Penghapusan kenaikan cukai kerana lewat membayar boleh dipertimbangkan dalam keadaan berikut:
 - 4.1 Penghapusan sepenuhnya:
 - Terbukti bahawa pembayaran telah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan;
 - Lanjutan masa untuk membayar cukai telah dibenarkan;
 - Kesilapan dalam pengenaan kenaikan cukai;
 - Cukai telah dikurangkan sepenuhnya;
 - Terbukti bahawa Notis Taksiran telah dihantar ke alamat yang salah atau yang bukan alamat terakhir diketahui.
 - 4.2 Penghapusan sebahagian:
 - Kredit cukai digunakan untuk membayar cukai terhutang — penghapusan kenaikan cukai atas hutang cukai yang dijelaskan;

- Cukai telah dikurangkan — penghapusan kenaikan cukai atas amaun cukai yang dikurangkan.
5. Penghapusan kenaikan cukai yang dikenakan di bawah subseksyen 107C(10) (perenggan 1.2 di atas) boleh dipertimbangkan jika pembayar cukai dapat membuktikan bahawa pertambahan dalam keuntungan syarikat hanya diketahui selepas pindaan anggaran dalam bulan ke-9, dengan syarat, perbezaan anggaran tersebut dibayar selewat-lewatnya pada tarikh yang ditetapkan untuk bayaran ansuran terakhir.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

2 September 2008